

BENKEL PERUBATAN FORENSIK
BAGI HOSPITAL-HOSPITAL PANTAI BARAT
NEGERI SABAH DAN W.P. LABUAN 2012

Tarikh : 30-31 Oktober 2012
Tempat : Auditorium, Sekolah Perubatan,
Universiti Malaysia Sabah

Diselenggarakan oleh:
Jabatan Forensik, Hospital Queen Elizabeth,
Jabatan Patobiologi dan Diagnostik, Sekolah Perubatan,
Universiti Malaysia Sabah

BENKEL PERUBATAN FORENSIK BAGI HOSPITAL PANTAI BARAT NEGERI SABAH DAN W.P. LABUAN

Bengkel Perubatan Forensik 2012 bagi Hospital Pantai Barat Negeri Sabah Dan Wilayah Persekutuan Labuan telah diadakan buat julung kalinya di Sekolah Perubatan. Bengkel ini dijayakan bersama dengan Jabatan Forensik Hospital Queen Elizabeth (HQE) dan Jabatan Patobiologi dan Diagnostik Sekolah Perubatan, Universiti Malaysia Sabah. Bengkel selama 2 hari ini telah diadakan pada 30 dan 31 Oktober 2012 bertempat di Auditorium Utama, Aras 3, Blok B Sekolah Perubatan. Diantara penceramah yang terlibat semasa bengkel tersebut adalah Dr.Jessie Hiu (Pakar Forensik, Ketua Jabatan Forensik, Hospital Queen Elizabeth), Dr.Ganesan Durairajah (Jabatan Forensik, HQE), Dr. Nang Khin Mya (Pakar Forensik, Jabatan Patobiologi dan Diagnostik Sekolah Perubatan), Dr. Fauziah Zainal Abidin (Pakar Perunding Paediatrik, Hospital Likas), Dr Christine Lee Mui Fong (Pakar O&G, Hospital Likas) dan Pn. Doreen Edward (Ketua Unit Kebajikan Sosial, HQE).